

BAHAGIAN I


PENDAHULUAN

1.0 PENGENALAN

PLANMalaysia merupakan *custodian* data geospatial guna tanah perancangan bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Data-data geospatial ini disimpan dalam Pangkalan Data Bahagian Maklumat Guna Tanah Negara (BMGN), PLANMalaysia. Data guna tanah semasa, komited dan zoning rancangan pemajuan boleh diakses melalui Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan).

Selain itu, data yang terdapat dalam Pangkalan Data BMGN juga merangkumi data-data daripada kajian Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) iaitu Rancangan Fizikal Negara (RFN), Dasar Perbandaran Negara (DPN), Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPF Desa Negara) dan rancangan pemajuan seperti Rancangan Struktur (RS), Rancangan Tempatan (RT) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).

Data-data selain rancangan pemajuan pula adalah terdiri dari kajian dan penyelidikan oleh PLANMalaysia, seperti Kajian Penentuan Sempadan Kampung Dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung, Kajian Pelan Induk Rangkaian Ekologi (*Central Forest Spine*), Kajian Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) dan sebagainya.



Data geospatial guna tanah perancangan dalam
Sistem Maklumat Gunatanah Perancangan Bersepadu (I-Plan)



Pangkalan Data BMGN juga merangkumi data-data daripada agensi pembekal data seperti data lot kadaster daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), data litupan Hutan Simpan Kekal (HSK) daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), data sungai daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta lain-lain lagi untuk keperluan kajian dan penyelidikan oleh PLANMalaysia.

2.0 ASAS PERTIMBANGAN

Standard Operating Procedure (SOP) Pengurusan Data Geospatial ini telah mengambil kira pandangan daripada Agensi Pengguna Khusus (APK) iaitu Bahagian di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon (PPZ) PLANMalaysia, PLANMalaysia Negeri dan Unit Penyelaras Projek (UPP). Pandangan tersebut diperolehi melalui dua (2) kaedah iaitu:-

- a) Maklumbalas borang kaji selidik (*Google Form*); dan
- b) Sesi mesyuarat dan perbincangan.

Berikut adalah asas pertimbangan yang diberikan penekanan dalam SOP ini:-

1

Untuk memberi penerangan terperinci terhadap peranan KKDG dan aktiviti pengurusan data geospatial yang melibatkan kerjasama Bahagian Ibu Pejabat PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon dan PLANMalaysia Negeri bagi meningkatkan kualiti data

2

Untuk menyeragamkan proses pengumpulan dan perolehan data bagi menjalankan kajian rancangan pemajuan serta kajian selain rancangan pemajuan oleh PLANMalaysia

3

Untuk memberi kefahaman dan panduan yang lebih jelas berkaitan proses permohonan data khususnya berkaitan tafsiran data tersedia, maksud permohonan lengkap dan permulaan kiraan tempoh 7 hari bekerja bagi membekalkan data tersedia kepada pemohon

3.0 OBJEKTIF

Objektif *Standard Operating Procedure (SOP)* Pengurusan Data Geospatial ini adalah untuk:-

- a) Mewujudkan penyeragaman proses kerja pengurusan data guna tanah perancangan antara Bahagian di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon (PPZ), PLANMalaysia Negeri dan Unit Penyelarasaran Projek (UPP) bagi menghasilkan data yang berkualiti;
- b) Menyediakan panduan bagi tujuan pengemaskinian pangkalan data I-Plan untuk memastikan penyimpanan data secara efisyen dan sistematik;
- c) Memberi pemahaman dan panduan yang jelas untuk proses pengumpulan, perolehan dan semakan data geospatial bagi kajian rancangan pemajuan dan kajian selain rancangan pemajuan kepada pihak yang terlibat; dan
- d) Menetapkan kaedah permohonan data daripada Pangkalan Data BMGN kepada Agensi Pengguna Khusus (APK) dan Agensi Pengguna Luar (APL).

4.0 SKOP PENGGUNAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PENGURUSAN DATA GEOSPATIAL

Skop penggunaan SOP merangkumi para pengguna seperti berikut:-

4.1 Agensi Pengguna Khusus (APK)

- a) Semua Bahagian di Ibu Pejabat PLANMalaysia;

Semua aktiviti berkaitan proses permohonan data daripada Pangkalan Data BMGN bagi tujuan menjalankan kajian Rancangan Pemajuan Nasional dan lain-lain kajian perancangan.

- b) Unit Penyelarasan Projek PLANMalaysia;

Sebagai pusat penerimaan dokumen dan data akhir atau dokumen yang diwartakan yang merangkumi Rancangan Pemajuan Nasional (RPN), rancangan pemajuan, kajian perancangan dan lain-lain.

- c) Semua Pejabat Projek Zon PLANMalaysia; dan

Semua aktiviti berkaitan perolehan data guna tanah bagi tujuan pengemaskinian data I-Plan dan proses permohonan data daripada Pangkalan Data BMGN bagi tujuan menjalankan kajian rancangan pemajuan, lain-lain kajian perancangan dan sebagainya.

- d) Semua PLANMalaysia Negeri.

Semua aktiviti berkaitan perolehan data guna tanah bagi tujuan pengemaskinian data I-Plan dan proses permohonan data daripada Pangkalan Data BMGN bagi tujuan menjalankan kajian rancangan pemajuan, lain-lain kajian perancangan dan sebagainya.



Bangunan Ibu Pejabat
PLANMalaysia, Blok F5,
Kompleks F, Presint 1, Wilayah
Persekutuan Putrajaya





4.2 Agensi Pengguna Luar (APL)

Semua agensi kerajaan persekutuan dan syarikat berkaitan kerajaan / *government-linked company* (GLC) persekutuan yang memohon data geospatial daripada Pangkalan Data BMGN.

APL yang terdiri daripada agensi kerajaan negeri, GLC negeri, syarikat swasta, institut pengajian tinggi, orang awam dan sebagainya hanya terlibat bagi permohonan data geospatial kajian selain rancangan pemajuan / kajian perancangan PLANMalaysia sahaja.

Skop penggunaan SOP adalah seperti di **Rajah 1**.

	
Agensi Pengguna Khusus (APK)	Agensi Pengguna Luar (APL)
Bahagian di Ibu Pejabat PLANMalaysia, Pejabat Projek Zon, PLANMalaysia Negeri dan Unit Penyelaras Projek	Agensi Kerajaan, GLC, Syarikat Swasta, IPT, Orang Awam dan sebagainya

Rajah 1 : Skop Penggunaan SOP

5.0 KAWALAN PINDAAN DOKUMEN *STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)* PENGURUSAN DATA GEOSPATIAL

Penyediaan dan pindaan dokumen SOP adalah di bawah tanggungjawab BMGN dengan kerjasama APK. Sebarang pindaan berkaitan dengan SOP perlu dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasian Pelaksanaan I-Plan (JPP I-Plan) yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan PLANMalaysia untuk persetujuan.

Perakuan terhadap pindaan SOP perlu diperolehi daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Maklumat Gunatanah (JPMG) yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PLANMalaysia sebelum digunakan.

Pindaan SOP Pengurusan Data Geospatial ini akan dibuat mengikut keperluan dari semasa ke semasa.

